



Salahkah nikah bawah umur?

ADAKAH Islam menetapkan umur minimum bagi perkahwinan? Contohnya penetapan umur 16 atau 18 tahun?

DALAM Islam, perkahwinan berlaku apabila cukup Rukun Nikah dan syaratnya. Antaranya, wujud pengantin dan wali nikah yang membuat keputusan dalam isu pernikahan.

Dalam syaria Islam, tiada ketetapan umur untuk bernikah. Namun, jika pihak berkuasa ingin menetapkan demikian berdasarkan maslahat tertentu maka itu adalah harus.

Dalam Akta Kanak-Kanak pula yang diluluskan di Parlimen pada 2001, seseorang berumur 18 tahun ke bawah dikira sebagai kanak-kanak.

Dalam hal kewajaran penetapan umur ini, golongan

Soal jawab agama

Bersama **DR. MOHAMMAD NIDZAM ABDUL KADIR**
Pensyarah di Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra
Malaysia dan pendakwah bebas. Kemusykilan boleh
diajukan ke nidium@yahoo.com



pembuat dasar hendaklah mengadakan perbincangan bagi mendapatkan pandangan ahli ilmu dalam pelbagai bidang.

Namun begitu, penetapan umur minimum tidaklah boleh mengharamkan pernikahan di bawah umur 18 tahun. Jika sampai mengharamkan, maka ini termasuk dalam isu mengharamkan sesuatu yang halal dalam Islam.

Pengharaman ini adalah dosa besar. Oleh itu, perlu ada ruang yang dibenarkan oleh undang-undang untuk pernikahan di

bawah usia 18 tahun, contohnya dengan kebenaran mahkamah syariah. Ini bagi menjaga kebajikan remaja yang akan bernikah lebih awal. Pihak mahkamah bukanlah pihak yang jahil untuk membuat keputusan. Sudah tentu pihak mahkamah akan meneliti pelbagai aspek.

Pada masa yang sama, undang-undang yang dibuat hendaklah tidak menjadikan seks di luar nikah sebagai halal.

Ini kerana, dibimbangkan timbul persepsi dan pandangan bahawa pernikahan sebelum usia

18 tahun adalah dilarang, namun hubungan seks luar nikah pula dibenarkan.

Persepsi atau pandangan bahawa seks sebelum nikah adalah harus adalah pandangan yang bertentangan dengan Islam.

Dalam satu laporan akhbar, statistik permohonan bernikah sebelum usia yang dibenarkan adalah sekitar 800 permohonan pada 2015, manakala kadar kelahiran anak luar nikah antara 2005 hingga 2015, melebihi setengah juta.

Ini menjadikan secara purata, jumlah kelahiran anak luar nikah atau anak tidak sah taraf setiap tahun sekitar 50,000 kelahiran. Statistik ini jelas menunjukkan bahawa seks bebas dan kelahiran anak luar nikah lebih membimbangkan dan perlu diberi perhatian serius oleh masyarakat serta pihak kerajaan.